

Ayuh pupuk fikiran budaya tinggi!

PERLUNYA memupuk kesedaran sivik di peringkat sekolah lagi. Dengan pemupukan kesedaran sivik dari peringkat sekolah, ia akan melahirkan generasi yang berbudaya tinggi dan mempunyai nilai-nilai adab serta toleransi.

Tahniah diucapkan kepada Kementerian Pendidikan kerana melancarkan Modul Pendidikan Sivik dari peringkat prasekolah hingga ke tingkatan lima baru-baru ini yang disempurnakan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ini suatu langkah positif yang patut dipuji di saat kita melihat sisi perilaku masyarakat yang semakin hari sudah lari dari nilai-nilai serta adab seperti dalam pergaulan kejranaan, membuang sampah merata, tidak menjaga atau memelihara tempat awam, waima tandas sendiri.

Seperkara yang menarik apabila teguran dibuat Perdana Menteri pada tandas awam yang kotor. Ia memberikan gambaran kepada masyarakat luar inilah tahap kesedaran sivik masyarakat Malaysia yang belum mencapai standard boleh dijadikan teladan.

"Asuhan budi yang mengindahkan sahsiah akan mengangkat tamadun sesebuah masyarakat kerana dapat memimpin manusia menggunakan ilmu pengetahuan ke arah yang baik dan menguntungkan sesebuah bangsa.

Pemupukan budaya tinggi adalah gambaran masyarakat bertamadun dengan kekuatan ilmu, kemahiran sains dan teknologi dan pada masa sama mendukung etika dan sistem nilai baik serta kesedaran sivik yang tinggi membawa kepada pekerti mulia yang sifatnya mensejahterakan.

Memetik ucapan Perdana Menteri sewaktu melancarkan modul tersebut, pendidikan sivik di sekolah bertujuan mengajar nilai tanggungjawab, disiplin dan menentukan alam sekitar tidak dicemar dengan perbuatan tidak bertanggungjawab.

Justeru, kesedaran sivik dalam pembentukan masyarakat berbudaya tinggi akan mudah dipupuk dan dibentuk seperti di negara-negara lain khususnya Jepun. Melalui peringkat awal,

anak-anak telah didedahkan soal sivik yang boleh dibajai dan disemai pada masa hadapan.

Kita dapat lihat kini di dada akhbar pelbagai kejadian di luar batas pemikiran kita yang pelakunya sudah memulakan sejak sekolah rendah lagi. Ini menunjukkan pembentukan tindak tanduk mereka didorong persekitaran yang tidak baik.

Di Jepun, pemupukan nilai-nilai murni dan sivik bermula dari sekolah rendah lagi. Murid diajar bagaimana untuk membersihkan tandas dan lantai dalam waktu persekolahan. Ia satu modul pembelajaran.

Amat menarik jika kita dapat perhatikan modul kemanusiaan masyarakat Jepun yang menekankan asuhan nilai budaya tinggi. Kesedaran sivik yang tinggi menjadikan rakyat negara itu mampu mematuhi peraturan tanpa mudah dipengaruhi arus kemodenan.

Jadi tidak hairanlah jika di negara ini, ada kalangan ibu bapa memberi contoh tidak baik kepada anak-anak tanpa disedari. Antaranya, membuang sampah dari dalam kereta begitu sahaja tanpa rasa malu.

Itu belum lagi memotong barisan sesuka hati.

Suka saya memetik ungkapan tokoh budayawan, Tan Sri Dr. Rais Yatim: "Asuhan budi yang mengindahkan sahsiah akan mengangkat tamadun sesebuah masyarakat kerana dapat memimpin manusia menggunakan ilmu pengetahuan ke arah yang baik dan menguntungkan sesebuah bangsa".